

**Semua Pengarah Wilayah
Semua Pengarah Bahagian
Semua KPP Unit
Semua Pegawai Laut
Semua Penolong Pegawai Laut
Semua Pembantu Laut**



PEKELILING DALAMAN JABATAN LAUT MALAYSIA

BIL. 1 TAHUN 2012

KEPERLUAN MELENGKAPKAN SEKURANG-KURANGNYA 7 HARI BERKURSUS SEBAGAI KPI PEGAWAI DAN KAKITANGAN JABATAN LAUT MALAYSIA

1.0 TUJUAN

Tujuan arahan ini dikeluarkan adalah untuk memastikan setiap pegawai dan Kakitangan Jabatan Laut Malaysia menghadiri sekurang-kurangnya 7 hari berkursus dalam setahun selaras dengan arahan Pekeliling Bil. 6 Tahun 2005: Dasar Latihan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Semakan terhadap Laporan Kehadiran Kursus Pegawai dan Kakitangan Jabatan Laut Malaysia pada tahun 2011 mendapati bahawa masih terdapat pegawai dan kakitangan yang gagal memenuhi keperluan sekurang-kurangnya 7 hari berkursus.
- 2.2 Lantaran itu, sasaran bagi semua pegawai dan kakitangan mencapai sekurang-kurangnya 7 hari berkursus tidak dapat dicapai, seterusnya menjelaskan pencapaian KPI Ketua Jabatan.
- 2.3 Semakan juga turut mendapati terdapat pegawai dan kakitangan yang tidak melaporkan kehadiran kursus mereka kepada UPSM untuk tujuan rekod dan laporan kepada Pihak Pengurusan Jabatan.

3.0 STRATEGI PERLAKSANAAN

- 3.1 Setiap pegawai dan kakitangan Jabatan Laut Malaysia dibekalkan dengan Buku Log Latihan untuk tujuan merekodkan kehadiran bagi setiap aktiviti latihan yang dihadiri. Buku Log ini perlu diserahkan oleh setiap pegawai dan kakitangan kepada Unit Pengurusan Sumber Manusia untuk tujuan pengemaskinian Buku Perkhidmatan.
- 3.2 Adalah menjadi tanggungjawab setiap pegawai dan kakitangan untuk memenuhi keperluan sekurang-kurangnya 7 hari berkursus. Kegagalan pegawai/kakitangan memenuhi keperluan tersebut boleh menyebabkan pegawai dikenakan Surat Tunjuk Sebab kepada Ketua Jabatan.
- 3.3 Selain itu, sasaran 7 hari berkursus juga turut diwajibkan sebagai salah satu KPI yang wajib dicapai oleh setiap pegawai dan kakitangan Jabatan Laut Malaysia.

4.0 PEMAKAIAN

Semua pegawai dan kakitangan Jabatan Laut Malaysia adalah tidak terkecuali daripada keperluan melengkapkan sekurang-kurangnya 7 hari berkursus, termasuk pegawai dan kakitangan yang bertugas di wilayah-wilayah.

5.0 PERLAKSANAAN

- 5.1 Arahan ini berkuatkuasa serta-merta. Dengan yang demikian, semua pegawai penyelia diminta untuk memastikan setiap pegawai seliaannya merekodkan kursus yang telah dihadiri dalam Buku Log Latihan dan kemudian bertanggungjawab mengesahkan kehadiran kursus berserta bukti kehadiran kursus.
- 5.2 Sehubungan itu, semua pegawai dan kakitangan dikehendaki menggunakan Buku Log Latihan. Buku tersebut boleh didapati di Unit Pengurusan Sumber Manusia, Ibu Pejabat Laut Malaysia / Ibu Pejabat Wilayah,
- 5.3 Dengan itu, penggunaan borang ISO kursus dengan ini adalah terbatas.

Sekian untuk makluman dan perhatian.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah

(DATO' KAPT. HJ. AHMAD BIN OTHMAN)

Ketua Pengarah Laut